



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/1/2011

Manmohan Singh terharu Najib hargai masyarakat India

Daripada **SANTHY MUTHALU**
santhy.muthalu@utusan.com.my

NEW DELHI 8 Jan. - Perdana Menteri India, Manmohan Singh (gambar) melahirkan rasa bangga terhadap komitmen kerajaan Malaysia dalam mewujudkan Little India di Brickfields, Kuala Lumpur pada Oktober tahun lalu.

Menurut beliau, kewujudan Little India membuktikan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menghargai pengorbanan masyarakat

India terhadap kejayaan Malaysia sejak 100 tahun lalu.

"Saya bersama Najib merasmikan Little India di ibu kota negara itu.

"Itu adakh satu peristiwa yang sangat emosi bagi saya kerana buat kali pertama sejak menjadi Perdana Menteri India saya berpeluang merasmikan sebuah tempat yang dikenali sebagai Little India di luar India.

"Saya tidak boleh melupakan pe



seluruh dunia di sini hari ini. Ucapan beliau disambut tepukan

ngalaman itu. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Najib, kerajaan Malaysia dan masyarakat India di negara itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Pravasi Bharatiya Divas Ke-9 yang menghimpunkan masyarakat India dari

gemuruh oleh kira-kira 160 delegasi dan media dari Malaysia.

Kata Manmohan, pada tahun lalu beliau membuat lawatan di beberapa negara termasuk Malaysia, dan lawatan ke Malaysia merupakan peristiwa yang akan dikenang selama-lamanya.

Dalam pada itu, kata Manmohan, beliau juga sangat bangga dengan kejayaan yang dicapai oleh masyarakat India di seluruh dunia khususnya di Malaysia.

"Oleh itu, kerajaan India akan memberi penghormatan khas kepada

ada individu yang berjaya mencapai kejayaan di negara masing-masing pada Pravasi Bharatiya Divas yang akan datang.

"Ini bagi memberi semangat baru kepada golongan muda kaum India di luar negara ini untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan masing-masing," katanya.

Sementara itu, beliau juga mempelawa semua masyarakat India dari seluruh dunia untuk menggunakan peluang perniagaan yang terdapat di negara tersebut. - MINGGUAN MALAYSIA